

Johor harus tolak kehadiran Semangat 46

UM 23 JUL 1990

Oleh
Hassan Mohd. Noor

MUAR 22 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kehadiran Semangat 46 di Johor harus ditolak bagi mengekalkan negeri ini sebagai kubu kuat UMNO dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, UMNO yang diasaskan di Johor mempunyai ahli yang terbesar dan setiap kali pilihanraya diadakan, negeri ini akan mencatatkan keputusan cemerlang malahan ada yang menang tanpa bertanding.

Kecemerlangan itu, menurut Perdana Menteri, perlu dikekalkan dan dipertahankan oleh UMNO negeri.

"Tetapi dengan adanya orang yang berkepentingan peribadi (pemimpin Semangat 46) rekod kecemerlangan Johor ini akan cuba dihapuskan," katanya ketika berucap di majlis Perhimpunan Bersama Rakyat Johor di sini petang semalam.

Beliau juga mengingatkan rakyat di seluruh negeri ini bahawa semangat yang dibawa oleh Semangat 46 sekarang adalah semangat kecewa dan bukannya semangat untuk menyatupadukan rakyat Johor keseluruhannya.

Perhimpunan itu disertai oleh beribu rakyat berbilang kaum yang mewakili berbagai parti komponen BN, ahli-ahli 64 pertubuhan yang menjayakan Perhimpunan Resolusi Melayu Johor dan pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Hadir sama di perhimpunan itu ialah isteri Perdana Menteri, Menteri Besar Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Presiden Gerakan Dato' Dr. Lim Keng Yaik, Presiden MIC Dato' Sri S. Samy Vellu dan timbalannya Dato' S. Subramaniam dan pemimpin MCA negeri.

Perpaduan

Sebelum itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin-pemimpin dan pekerja parti komponen BN seluruh Negeri Johor.

Perdana Menteri berkata semangat yang dibawa oleh Semangat 46 hari ini adalah berbeza dengan semangat perpaduan yang dibawa oleh pemimpin Melayu dari Johor dalam tahun 1946.

"Jika diambilkira, dalam tahun 1946, perpaduan Melayu begitu rapat sehinggalah British tidak dapat memecahbelah perpaduan dan pemimpin Johor juga berjaya menyatukan rakyat keseluruhannya. Tetapi adakah Semangat 46 menyatupadukan Melayu Johor?"

"Kenapa mereka (Semangat 46) tidak menyertai keputusan resolusi rakyat Melayu Johor jika mereka mempunyai 'semangat'? Sebenarnya, semangat yang ada pada mereka ini hanyalah semangat kecewa," katanya.

Perdana Menteri berkata, merekalah (Semangat 46) yang sanggup membuat helah hingga membawa kepada penghapusan UMNO dan UMNO dihapuskan hanya kerana mereka tidak dapat menjadi presiden.

"Dulu dia boleh menyertai UMNO menghadapi berbagai rintangan dan apa bezanya UMNO dahulu dan sekarang. Bezanya dia tidak dapat menjadi presiden," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak ber-

hasrat menjadi Perdana Menteri selama-lamanya kerana lama kelamaan jawatan itu akan dilepaskan juga.

"Tetapi dia tidak mahu tunggu, sebaliknya kerana digigit nyamuk, kelambu dibakar," katanya.

Katanya, pemimpin seperti ini tidak boleh diterima atau dipercayai oleh rakyat malahan ia tidak akan membawa apa-apa faedah yang lebih baik seperti diberikan oleh UMNO melalui BN terhadap pembangunan pesat negeri ini.

"Tetapi saya tidak yakin orang Johor tertawan dengan mereka (Semangat 46), saya baru balik dari Kelantan, mereka di sana juga tidak mahu mereka ini," katanya.

Beliau juga berkata, UMNO dan BN akan mengabdikan diri kepada bangsa, agama dan negara kerana tidak ada gunanya berusaha untuk kepentingan diri.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu melihat rakyat negeri ini menjadi bangsa yang dihormati dan untuk itu kerajaan memerlukan kepada keamanan dan perpaduan kaum.

Katanya, konsep perpaduan kaum BN yang wujud sekarang perlu dipertahankan oleh rakyat supaya negara akan terus aman, makmur dan pembangunan pesat.

Menurut beliau lagi di negara-negara lain yang juga mempunyai berbagai kaum, pembangunan dan keamanan tidak wujud seperti di negara ini kerana mereka tidak bersatu padu sehingga hidup dalam keadaan tidak tenteram malahan di sesetengah negara pula berlaku pembunuhan.